

11/11/1999

Sidang Dewan paling singkat

SIDANG Dewan Undangan Negeri (DUN) Belanjawan ke-16 yang sepatutnya berakhir esok (Jumaat) berlangsung dalam tempoh paling singkat, iaitu kira-kira sejam saja berikutan suasana yang diselubungi spekulasi pengumuman Parlimen dibubarkan petang semalam.

Kedaaan di ruang ligar semakin hangat apabila beberapa wakil rakyat sebelum masuk ke Dewan dimaklumkan, agenda untuk sesi pagi perlu dibereskan selewat-lewatnya jam 11 pagi kerana Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dikehendaki ke Kuala Lumpur untuk menghadiri pertemuan khas semua ketua kerajaan negeri bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Seperti dijadualkan sidang yang bermula tepat jam 10 pagi dengan Menteri Besar dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Yeow Chai Thiam menjawab semua pertanyaan lisan yang ditetapkan.

Malahan pembentangan Belanjawan 2000 oleh Menteri Besar yang memakan masa kira-kira 20 minit diluluskan tanpa bahas dan tidak ada wakil rakyat yang mengemukakan sebarang soalan tambahan.

Begitu juga dengan usul Anggaran Pembangunan Negeri 2000 berjumlah RM79.2 juta yang dibentangkan Menteri Besar dan usul Anggaran Bekalan Air 2000 berjumlah RM178.8 juta yang dibentangkan Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Datuk Darus Salim Bulin.

Tiada seorang pun daripada 31 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) membahaskan rang undang-undang meminda Enakmen Pengawalan Sekolah Agama Islam 1996 yang dibentangkan oleh Mohd Isa.

Bekas Ahli Exco yang juga Adun Gemencheh, Datuk Waad Mansor tidak hadir kerana masih bercuti. Beliau dibebaskan daripada tuduhan rasuah oleh Mahkamah Tinggi Seremban, baru-baru ini.

Usul dan rang undang-undang berkenaan diluluskan sebelum Speaker DUN, Datuk Hamdan Mohamed menanggungkan sidang yang dirasmikan Yang Dipertuan Besar Jumaat lalu, pada satu tarikh ditentukan kemudian.

Sebelum itu, Mohd Isa dan Hamdan mengucapkan terima kasih kepada semua wakil rakyat, media, ketua jabatan serta Unit Dewan dan Protokol yang memberikan kerjasama bagi memastikan kelancaran sidang yang akhir bagi abad ini.

(END)